

UMNO: FALSAFAH DAN PERJUANGAN



209595
ZA

AZIZ ZARIZA AHMAD



UMNO

Pergerakan Pemuda UMNO Cawangan Ibu Kota

PENGHARGAAN

24hb. Mei, 1979.

Saya, bagi pihak Pergerakan Pemuda UMNO Cawangan Ibu Kota dengan ini mengucapkan setinggi-tinggi Tahmah kepada PENERBITAN KNIGHT yang telah bermurah hati untuk mendermakan sebahagian dari hasil kutipan buku yang berjudul "UMNO-FALSAFAH DAN PERJUANGAN" kepada Pergerakan Pemuda UMNO Cawangan Ibu Kota untuk mengisi tabungnya.

Usaha PENERBITAN KNIGHT dalam menerbitkan buku politik seperti ini adalah sangat digalakkan dan dihargai.

"UMNO-FALSAFAH DAN PERJUANGAN" merupakan sebuah buku Politik yang kontroversial pada masa ini memandangkan corak perkembangan politik Tanah Air.

Akhir kata kami tidak ketinggalan juga untuk mengucapkan tahmah kepada penulisnya saudara Aziz Zariza Ahmad yang telah menjayakan penulisan ini.

Sekian.

Ketua Pergerakan Pemuda UMNO
Cawangan Ibu Kota,

(SYED HAMID ALBAR)



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

8/11/2024
TBM
Fcc

UMNO: FALSAFAH DAN PERJUANGAN

Diterbitkan oleh:



فيسنر ليتن ناويرة

Penerbitan Knight

13A-3, Bangunan Uda
Jalan Pantai Baru
Kuala Lumpur.
Tel : 53339

Oleh : Aziz Zariza Ahmad

PUSTAKA PERDANA



1013754

Printed by Kong Lee Printing.
Jalan Merlimau, off Jalan Kenanga, K.L.



UMNO FALSAFAH DAN PERJUANGAN

**PEBERBITAN KNIGHT,
13A-3, JALAN PANTAI BARU,
KUALA LUMPUR. Tel :53339**

**Cetakan Pertama: June 1979
Hakcipta: aziz zariza ahmad
Harga: Senaskah, \$5.00**



**Buat kenangan
Ayah dan ibu Terkaseh
Noryati, Widya serta Hayani.**

Pendahuluan:

Penulisan buku ini sekadar untuk memperkatakan apakah sebenarnya tema yang dibawa oleh UMNO dalam perjuangannya. Disamping pemaparan minima tentang masalah dan kemungkinan yang dihadapi dan dimainkan peranan oleh UMNO sebagai sebuah parti politik Melayu masa kini.

Sebagai sebuah pertubuhan politik yang tegak atas dasar bangsa, ditengah kancah politik negara yang terdiri dari berbilang bangsa ini, sudah pasti UMNO mempunyai dilemanya yang tersendiri, peranannya yang tersendiri, cabarannya yang tersendiri, masalah dan kemungkinan tindakannya yang tersendiri. Yang segala-galanya itu melibatkan nasib bangsa Melayu yang diwakilinya dan masa depan negara Malaysia dan seluruh rakyatnya. Sekian.

AZIZ ZARIZA AHMAD

15.3.1978

KATA-KATA ALAUN

Walaupun UMNO merupakan parti yang paling lama established dan menjadi teras dalam pemerintahan negara sejak Merdeka, ramai yang tidak mengetahui apakah dasar perjuangan UMNO yang sebenar. Maka dari itu lahir berbagai-bagai tafsiran yang tidak menepati keadaan. Tafsiran-tafsiran negatif yang disengajakan oleh pihak-pihak yang menentang UMNO antaranya mengatakan parti ini tidak ada ideologi atau mengamalkan nasionalisme sempit yang tidak secocok dengan nilai-nilai universal. Apakah pendapat ini betul? Untuk mengetahuinya, kita perlu berfikir lebih jauh dan ada fact-fact dalam buku ini yang amat berguna bagi membetulkan pendapat-pendapat yang serong terhadap UMNO.

Tidak dapat dinafikan UMNO mempunyai satu falsafah perjuangan yang istimewa, sesuai dengan keadaan berbilang kaum di Malaysia dan adanya pribumi yang memerlukan pembelaan tertentu. Perjuangan ini adalah satu jalan tengah di antara berbagai bentuk ekstrimisme dan alternatif yang cuba dikemukakan oleh parti-parti dan pertubuhan-pertubuhan. "Rakyat Malaysia hari ini dapat hidup dengan aman dan berupaya menjalani daya kreatif masing-masing boleh dikatakan kerana satu pemerintahan yang berasaskan kepada kepentingan nasional seluruhnya. UMNO selaku sebuah parti yang tertubuh" atas nasionalisme Melayu cuba menjawab rintihan-rintihan bangsa ini yang buat sekian lama tertindas dan kini cuba bangkit semula mendapatkan tempatnya dalam dunia moden, tetapi tidak pula dengan mengabaikan hak mana-mana rakyat lain. Bahkan setiap bangsa lain sama-sama dijaga seperti hak orang Melayu, di bawah payung



UMNO. Atas perjuangan UMNO ini telah dapat mewujudkan sebuah negara Malaysia merdeka, yang terus dibina melalui tenaga-tenaga rakyatnya yang progresif.

Tetapi kejayaan-kejayaan yang telah dirintis oleh UMNO tidak boleh berkekalan dengan adanya corak politik yang tidak bertanggungjawab diamalkan oleh kalangan-kalangan tertentu yang bernafsu atau sekurang-kurangnya tidak memahami hakikat kehidupan di negara ini yang boleh tercetus menjadi pergolakan jika tidak diawasi. Bagi mereka yang sedar adalah menjadi kewajipan masing-masing untuk bersama-sama memelihara UMNO kerana ia merupakan pilihan terbaik dalam keadaan-keadaan yang amat kompleks. Sekiranya ada kekurangan-kekurangan dalam UMNO, tidak guna bagi sesiapa merungut. Perbuatan seumpama itu tidak memberi kesan. Saya cadangkan masuklah UMNO beramai-ramai dan melalui pemikiran dan tindakan bersama pasti akan menghasilkan kekuatan di dalam parti, pada bangsa dan negara.

Di dalam buku ini bukan sahaja disebut kebaikan UMNO atau kejayaan kerajaan UMNO, tetapi juga kekurangan-kekurangan yang menghalang kemajuan dan pencapaian matlamat yang diperjuangkan. Ini sewajarnya, kerana tidaklah menjadi tujuan kita untuk menerima sanjungan dan pujian sahaja. Perkara-perkara yang merupakan kelemahan perlu diketengahkan dengan satu cara yang membina agar mendapat penyelesaian-penyelesaian ke arah kebaikan. Sebaliknya, keritik melulu untuk melepaskan geram atau bertujuan mau menghancurkan semata-mata dikira tidak memberi apa-apa faedah kepada sesiapa pun. Ia tidak boleh membaiki. Ia akan menambahkan kekeruhan dan menjadikan politik itu satu

bidang negatif yang mengalih pandangan dari tugas-tugas pembinaan yang sebenar.

Saya mengucapkan tahniah kepada pengarang buku ini kerana berani mengemukakan pendapat-pendapatnya dengan penuh bertanggungjawab dan keikhlasan hati. Marilah kita bersama-sama merenunginya bagi pencapaian hasil-hasil yang positif.

WAN MOHD. MAHYIDDIN
Ketua Bahagian Penyelidikan
UMNO Malaysia.

KANDUNGAN

1.	UMNO: Kebumiputeraan dan Keislaman	1
2.	Istilah Politik: Bangsa Melayu Sebagai Bumiputra	19
3.	Dasar Ekonomi Baru: Derita Batin Bangsa	53
4.	Ketegasan Dalam Kepimpinan	88
5.	Barisan Nasional: Suatu Konsep Yang Rapoh?	111
6.	Phenomena Falsafah Pergerakan Pertubuhan- Pertubuhan Melayu	132
7.	UMNO Hari Ini Dan Esok	150
8.	Masa Depan Parti	181

UMNO: KEISLAMAN DAN KEBUMIPUTERAAN

Banyak pendapat yang mengatakan bahawa UMNO sebagai sebuah parti politik tidak mempunyai ideologi. Malah definasi ideologi ini akan nyata sekali ketiadaannya jika ditinjau dari sudut kajian antropoliji politik. Namun demikian itu bukanlah satu kenyataan yang tegas tanpa dapat diubah lagi. Malahan pengertian ideologi itu pada sekian banyak pengertian tetap relatif, mengikut tafsiran yang tersendiri. Dengan itu UMNO sebagai sebuah pertubuhan politik tetap mempunyai ideologi yang tersendiri, falsafah perjuangan yang tersendiri dan jiwa rasanya yang tersendiri dalam menghayati perjuangannya.

Dari nama UMNO itu sendiri ternyata ianya ditubuh atas dasar kesedaran kebangsaan berlandaskan Islam. Ini terjadi dengan otomatis tidak lain kerana individu di dalam UMNO itu adalah manusia dari bangsa yang dinamakan Melayu dan beragama Islam. Lantas pertalian timbal baliknya amat rapat sekali yang tidak mungkin di-



pisahkan lagi. Seperti irama dan lagu. Seperti pemimpin dan pengikut. Dan untuk lebih jitu lagi seperti roh dan jasad. Roh itu akan kekal dalam kehidupan seorang manusia. Kehidupan di dunia dan di akhirat. Sementara jasad adalah untuk sementara sahaja. Selagi ianya ada detik nadi. Namun apa yang nyata pertalian antara keduanya tidak dapat dipisah.

Demikianlah bila diwakilkan bahawa roh itu adalah agama Islam dan jasad itu adalah bangsa Melayunya. Tidak ada manusia yang dijadikan tanpa kedua pengenalan ini iaitu agama dan bangsa. Sekadar terdapat perbezaan di antara agama dan bangsa manusia itu sendiri.

Oleh yang demikian, jika soal falsafah UMNO itu mahu diperkatakan ianya tidak dapat lari dari dua hakikat iaitu nasionalisme dan Islam. UMNO merupakan pertubuhan politik, pertubuhan yang ditubuhkan berasaskan nasionalisme dan berpandukan Islam sebagai jalan kehidupan. Dengan itu nasionalisme dan Islamlah yang menghayati falsafah perjuangan UMNO. Penggabungan itu terjadi adalah satu keperluan. Nasionalisme mengajar kecintaan, sementara Islam mengajar panduan hidup yang di dalamnya termasuk kecintaan itu sendiri.

Bagaimanapun ternyata terdapat dua perbezaan antara dua kecintaan ini. Satu iaitu nasionalisme mengajar kecintaan kepada sebangsa, senegara dan yang ada persamaan seperti sebahasa, sekeluarga dan seterusnya.

Sementara Islam mengajar kecintaan yang sejagat yang tidak ada sebarang ikatan selagi kecintaan itu menuju keredzaan Allah. Ertinya kecintaan yang universal, yang tidak tertaklok kepada kedaerahan, kenegaraan, kebangsaan dan lain-lain yang ada persamaan. Malah yang kon-

tras juga tetap dicinta selagi berada di bawah pertunjuk Islam.

Bagaimanapun di antara keduanya, nasionalisme dan Islam itu sebenarnya adalah terangkum satu di dalam Islam. Sekadarkan tahapnya agak berbeza, iaitu mengikut pengertian nasionalisme yang paling relatif dan minima ialah bahawa yang dimaksudkan dengan 'nation' iaitu negara-bangsa adalah merupakan satu nyawa, suatu asas akal, yang terjadi dari dua hal: iaitu bangsa itu telah menjalani satu riwayat yang sama; dan kedua, bangsa itu kini mempunyai hasrat keinginan dan cita-cita hidup yang sama. Jadi bangsa itu **TIDAK SEMESTINYA** dari ras atau yang mempunyai bahasa, budaya, agama yang sama, melainkan keinginan hidup yang satu.¹

Di dalam pengertian yang lebih jelas, nasionalisme bisa dikenali dengan ciri yang paling utama ialah rasa kasih, cinta dan sayang. Merasa untuk cinta antara satu sama lain dalam menuju ke satu perjalanan. Malah telah menjadi sifat semula jadi manusia iaitu suka mencintai sesuatu yang dekat, yang sama, baik pendekatan itu atau persamaan itu terdapat dari segi persaudaraan, bahasa, bangsa atau pun keagamaan. Kita akan lebih cepat mesra dan kasih pada yang sebangsa, seagama dan senegara dengan kita. Malah mungkin ada ketikanya disebabkan persamaan corak pakaian sahaja kita akan cepat mesra dengan seseorang paling tidak akan tersenyum jika melihat Si Anu itu memakai baju batik yang serupa dengan kita. Demikianlah bagaimana persamaan itu mampu mempengaruhi seseorang.

Demikianlah tahap yang dibawa oleh erti nasionalisme iaitu merupakan tingkat permulaan. Sebelum kita berjaya

sampai ke puncak idealisme iaitu Islam. Nasionalisme adalah langkah pertama untuk keperingkat universal.

Justeru atas pengertian bahawa nasionalisme ini adalah tapak permulaan ke arah keuniversalanlah yang menjadikan falsafah perjuangan UMNO yang berlandaskan kebangsaan dan Islam ini akan dapat terus tegak sebagai falsafah perjuangan rakyat Melayu negara ini.

Nasionalisme yang dibawa di dalam perjuangan UMNO adalah satu kewajaran kerana Islam senantiasa menyarankan: tolonglah diri sendiri, keluarga sendiri, bangsa sendiri sebelum kita bertindak lebih jauh lagi untuk menolong orang lain. Demikian juga kiranya kasihkan dirimu, bangsamu, kaum keluargamu dan jiran-jiran kamu.

Konsep Islam yang universal yang tidak mengenal batas-batas bangsa, budaya dan negara itu adalah satu idealisme yang amat tinggi dan mulia. Di mana pencapaiannya melalui tahap-tahap tertentu iaitu melalui taqwa dan keimanan yang kukuh. Dan inilah yang menjadi harapan setiap Muslim, tetapi perjalanan ke arah pencapaian harapan ini melalui realiti-realiti yang tertentu iaitu sebelum tiba ke peringkat universal, ia harus melalui peringkat wilayah dan sempadan negeri terlebih dahulu.

Yang demikian sebelum umat Islam Melayu bercakap tentang Islam yang universal itu apakah kita telah sampai ke peringkat wilayah atau pun negeri? Adakah kita kini telah berada di peringkat wilayah iaitu antara kita telah benar-benar wujud rasa cinta dan bukannya hasad yang merugikan? Atau adakah kita telah berada di peringkat negeri atau negara di mana perpaduan antara sesama kita telah benar-benar wujud?

Di sinilah letaknya ketepatan falsafah perjuangan UMNO untuk bangsa Melayu. Di sinilah kita dapat melihat keutuhan falsafah perjuangan UMNO untuk bangsa Melayu.

Seandainya kita sendiri masih belum maju, masih belum berpadu lagi, masih belum bersih, masih belum mampu memupuk keimanan yang sebenarnya; janganlah kita melaungkan yang lebih besar, yang universal dengan sifat-sifat hipokrit dan mengenyepikan yang kecil yang nasionalisme yang mana lebih mudah dan logik untuk dicapai.

Ini perlu diperkatakan kerana terdapatnya golongan yang memandang sepi pada slogan nasionalisme.² Yang menganggap bahawa falsafah perjuangan UMNO yang berlegar di sekitar nasionalisme itu adalah tidak sejajar dengan kehendak Islam yang universal.

Kita tidak menafikan kepentingan malah kewajipan setiap umat manusia untuk meniti hayat hidup masing-masing ke arah yang dibawa oleh idealisme Islam. Itulah matlamat sebenar, kesempurnaan jalan hidup yang dibawa oleh Islam dengan panduan Al-Quran dan Sunnah-hadith Rasullullah. Tetapi matlamat itu adalah satu target pencapaian. Satu idealisme yang jauh sekalipun kemungkinan tiba ke sana tetap ada.

Namun sejarah manusia dan sejarah Islam telah mencatatkan bahawa sekian lama perjalanan detik sejarah, hanya segelintir umat, sekangkang daerah dan sekelumit waktu sahaja yang pernah membuktikan bahawa idealisme Islam itu adalah sesuatu yang praktikal kewujudannya. Sesuatu yang telah dibuktikan oleh Islam tentang

kejituan falsafahnya melalui rasul pilihan Muhammad S.A.W. Itulah puncak kejayaan yang dibawa oleh Rasulullah. Satu utopia kehidupan manusia yang penuh dengan rasa kemanusiaan. Yang mengekangkan sebarang bentuk pertalian, sebarang bentuk perhubungan, sebarang bentuk persamaan melainkan bersandarkan perhubungan, persaudaraan dan pertalian hidup itu di atas lafaz dan kalimah syahadat.

Demikianlah yang terjadi sehingga golongan Ansar menganggap golongan Muhajirin itu melebihi segala kepentingan diri. Demikianlah terbenanya sebuah masyarakat dan negara Islam yang pertama. Demikianlah bukti pimpinan dan kejayaan yang dibawa Rasulullah.

Idealisme kehidupan masyarakat Islam yang berjiwa universal ini diteruskan di dalam waktu pemerintahan Saidina Abu Bakar Al-Sidiq, Omar Al-Khattab, Othman bin Affan dan Ali bin Abi Talib. Namun tidaklah mungkin sejaya Rasulullah malah garis-garis keretakan dan perpecahan itu telah dirasai.³ Zaman contoh dalam pemerintahan yang bercorak keuniversalan yang diasas dan dibawa oleh Islam itu berakhir dengan tertubuhnya kerajaan Bani Umayyah.

Disebalik keagungan dan zaman keemasan Islam yang bersinar itu sesungguhnya politik pemerintahan kerajaan-kerajaan Bani Umayyah dan Abbasiyah telah diracuni oleh api perkauman yang jauh dari sifat-sifat keuniversalan yang pernah dibawa oleh Islam. Namun tidak siapa pun yang pernah menafikan bahawa sejarah zaman keagungan dan keemasan Islam itu yang terjelma dalam catitan sejarah di antara kedua-kedua kerajaan Islam itu adalah yang paling dibanggakan oleh umat Islam dan merupakan zaman bersejarah yang belum pernah berulang lagi.⁴

Tidak ada sesiapa yang dapat menafikan bahawa di antara kedua zaman itulah lahirnya tokoh-tokoh Islam yang mengkagumkan sejarah dunia dalam segala aspek. Malah kota Damsyik dan Baghdad menjadi pusat ilmu dunia. Tidak akan ada sesiapa pun yang juga mahu menafikan ketokohan Imam Ghazali, Ibnu Sina, Jabir Ibnu Hayyan, Ibnu Khaldun dan lain-lain dengan keilmuan masing-masing.

Sejarah telah menunjukkan bahawa di zaman khalifah Omar Abdul Azizlah, masyarakat terciari-cari orang miskin yang layak untuk diberi zakat tetapi tidak pernah berjumpa.⁵ Para orientalis telah menggelarkan seorang tokoh Islam di zaman ini iaitu Khalifah Abdul Malik sebagai Father of Kings kerana kejayaan-kejayaan beliau dalam perluasan penjajahan.⁶ Malah kita boleh mencatatkan apa saja yang tidak akan habis-habis dari zaman kegemilangan Islam itu.

Tetapi disebalik seluruh keagungan itu yang masih dimimpikan oleh intelek-intelek Islam dewasa ini, di sana terdapat rasa perkauman yang menekan kaum lain dari berjaya menjadi pemerintah. Di celah-celah keadilan dan kemajuan serta kemakmoran ekonomi rasa perkauman tetap mencecah. Kaum Bani Umayyah umpamanya menindas dan membunuh golongan yang disyaki menggugat pemerintahan mereka. Berbagai-bagai tindakan dilakukan.⁷ Akhirnya untuk sembilan puluh tahun lebih mereka berjaya mengekalkan dinasti mereka.

Jadi, dapatlah dilihat bahawa di tengah-tengah keislaman itu perasaan perkauman tetap wujud. Perasaan perkauman yang didorongkan oleh rasa kecintaan kepada bangsa membuatkan mereka begitu gigih sekali ber-

usaha untuk mendapat dan mempertahankan kemajuan dan kejayaan dari sebarang kemusnahan, kemunduran dan kejatuhan bangsa mereka.

Di sinilah betapa dapat dilihat bahawa kecintaan yang dibawa oleh nasionalisme yang sering berdasarkan persamaan bangsa itu merupakan satu hakiki hidup seorang manusia. Cumanya yang perlu dipersoalkan sejauh manakah ianya dipupuk sejajar dengan konteks Islam?

Bagaimanapun pada praktiknya rasa cinta oleh sesuatu bangsa terhadap saudara-saudaranya yang sebangsa adalah terlalu tinggi dan membawa pada pengamalan yang tidak rasional pada keadilan atau pun pada sesuatu tindakan.

Terdapat pada waktu tertentu kerana cintakan bangsanya seorang hakim tidak berlaku adil dalam menjatuhkan hukuman serta lain-lain yang seumpamanya.

Bagaimanakah pandangan Islam di dalam hal nasionalisme yang seperti ini? Jawabnya jelas sekali bahawa Islam melarang sekerasnya pengamalan rasa nasionalisme yang membabi buta yang menafikan keadilan dan hak-hak kemanusiaan. “Wahai orang-orang yang beriman! Hendaklah kamu bekerja giat dengan rapi, kerana Allah menjadi saksi dengan adil. Janganlah kiranya kebencianmu terhadap sesuatu golongan dijadikan alasan untuk tidak berlaku adil. Berlaku adillah, kerana sikap adil itu lebih dekat kepada taqwa.”⁸

Demikian penegasan Islam tentang menyuruh bersikap adil dan jika di dalam sesuatu perbicaraan itu seseorang hakim perlu menjatuhkan hukuman kepada

yang bersalah maka ia mesti menjatohkannya, sekalipun mungkin pesalah itu adalah dari keluarganya sendiri.

Demikian jugalah dalam praktik hidup seharian. Kita boleh untuk mempunyai sikap cintakan bangsa demi untuk membawa perubahan dan kemajuan pada bangsa kita asalkan rasa cinta atau penyerapan semangat nasionalisme itu di dalam konteks perbicaraan ini di kalangan ahli-ahli UMNO tidak dimaksudkan untuk melalui atur hidup yang tidak diredzai oleh Allah. Antara lain seperti menganjurkan rasa benci dan menindas bangsa lain yang membawa kepada kesengsaraan dan permusuhan.

Ertinya Islam tidak membenarkan kemajuan itu dicapai melalui merampas hak orang lain, atau dalam lain kata naik ke atas dengan memijak kepala orang lain. Dan sudah tentunya nasionalisme yang demikian itu bukanlah nasionalisme Islam.

Dan itu juga bukanlah pengamalan nasionalisme yang dibawa oleh ahli-ahli UMNO. UMNO selama tertubuhnya walaupun atas kesedaran nasib bangsanya yang amat tergugat tidak pernah sekali-kali bertujuan lari dari maksud yang dibawa oleh Islam. Malah sejarah nasionalisme bangsa Melayu tidak pernah menganjurkan rasa kecintaan yang bertujuan untuk merompak hak-hak orang lain.

Sejarah nasionalisme umat Melayu hanya sekadarkan kecintaan pada sesama bangsa yang hidup menderita di tanah air sendiri. Sejarah nasionalisme umat Melayu hanya sekadar menyeru tiap bangsa Melayu itu kembali sadar akan tanggungjawabnya sendiri. Sejarah nasio-

nalisme umat Melayu hanya meminta setiap umat Melayu kembali hidup di atas landasan keislaman. Sejarah nasionalisme umat Melayu hanya berdasarkan keinginan untuk memper maju dan menyelamatkan nasib bangsa sendiri. Sejarah nasionalisme umat Melayu melalui perwakilan UMNO tidak pernah bermaksud untuk menggugat kehidupan bangsa-bangsa lain. Sesungguhnya semua ini menjadi kenyataan hingga hari ini.

Laungan, seruan, ajakan yang dibuat terhadap bangsanya oleh UMNO selama ini hanyalah sekadar untuk memperbaiki keburukan, memper maju kemunduran, menaikan kejatuhan dan memperputih kehitaman nasib bangsa Melayu.

Lantaran dari itulah proses kemajuan yang ingin dicapai itu mengambil masa yang lama. Sehinggaakan buat ketika ini pun kemajuan masih jauh. Malah apa yang ketara pencapaian bangsa asing adalah lebih jauh lagi meninggalkan umat Melayu terkebelakang senantiasaa.

Jadi nasionalisme yang dibawa oleh UMNO sebagai katalas atau 'instrument' politik untuk perubahan nasib bangsa adalah tidak pernah berdasarkan kekerasan atau sesuatu tindakan yang benar-benar di luar perhitungan atau pun yang membabi buta semata-mata. Sesungguhnya tidak pernah dan tidak pernah wujud sehingga hari ini.

Disebabkan itulah sehingga hari ini bangsa-bangsa asing yang menetap di sini terus memperoleh hak-hak kehidupan mereka yang kadangkala melebihi dari apa yang diperolehi oleh bangsa Melayu sebagai pribumi negara ini sendiri. Nasionalisme yang dibawa oleh UMNO tidak pernah bermaksud untuk merampas harta kekayaan

bangsa-bangsa asing. Nasionalisme yang dibawa oleh UMNO tidak pernah berkeras untuk mendapat balik apa yang hilang. Nasionalisme yang dibawa oleh UMNO tidak pernah berhasrat untuk memusnahkan kehidupan bangsa-bangsa lain. Nasionalisme yang dibawa oleh UMNO tidak pernah bertujuan untuk menafikan hak-hak perseorangan dan kemanusiaan bangsa-bangsa lain dari negara ini. Walaupun pada ketika-ketika tertentu ternyata kebenaran kehidupan dalam demokrasi pemerintahan hari ini kerap menggugat nasib bangsa UMNO itu sendiri.

Apa yang menjadi saranan dan tujuan semangat kebangsaan yang dibawa oleh UMNO semata-mata untuk mengajak setiap umat Melayu bangun merebut kemajuan agar setanding dengan bangsa-bangsa lain. Bangun merebut kejayaan agar dapat mengatasi segala kelemahan yang ada. Bangunlah untuk menyelamatkan nasib bangsamu yang tergugat di tanah tumpah darah sendiri. Bangunlah dan marilah kita menyempurnakan tanggungjawab seperti sewajarnya sebagai seorang umat Melayu yang beragama Islam.

Demikianlah selogan nasionalisme Melayu baik dari zaman Syed Sheikh Alhadi atau lebih awal darinya atau pun di zaman Dato' Onn dan penubuhan UMNO, tema semangat kebangsaan yang terbit dari rasa keinsafan melihat nasib bangsanya agar jangan terjadi seperti kata orang tua-tua, ayam di kepok mati kelaparan, itek di air mata kehausan tetaplah sama. Tetaplah sekadar bertujuan untuk membawa bangsanya menuju kemajuan dan kejayaan hidup yang sempurna.

Bukanlah bertujuan untuk membunuh bangsa-bangsa yang ada, merampas harta benda mereka dan memusnah-

kan peluang dan kebahagiaan hidup orang lain seperti yang dianjurkan oleh nasionalisme yang ekstrim. Jadi, apakah dengan itu dapat dikatakan bahawa nasionalisme UMNO itu sesuatu yang bertentangan dengan kehendak Islam? Apakah nasionalisme UMNO melalui tindakan yang paling moderate dikatakan tidak sesuai dengan saranan Islam? Apakah nasionalisme yang dibawa oleh UMNO yang sekadar untuk membaiki diri sendiri salah dalam perhitungan kacamata Islam? Apakah nasionalisme yang dibawa oleh UMNO itu demi untuk keselamatan umat Islam yang terganggu di negara sendiri satu kesalahan? Tidakkah pandangan yang mengatakan 'ya dan bersalah' itu satu pandangan yang lahir dari kejahilan memahami hakikat insaniah yang semula jadi. Hakikat insaniah sebelum wujud atau bertukarnya seseorang itu menjadi seorang insan kamil.

Bahawa sebelum seseorang itu dapat mengenali kecintaan diri orang lain, ia akan tentu mencintai dirinya sendiri. Sebelum seseorang itu menjaga keselamatan orang lain tentulah ia akan mementingkan keselamatan dirinya sendiri. Sebelum seseorang itu membantu diri orang lain tentu ia akan membantu dirinya terlebih dahulu. Di sinilah letak kelojikan dan kerasionalannya dengan hakikat seseorang insan; kita contohkan sahaja di sini dengan membawakan nasib insan Melayu di dalam negara ini.

Seandainya di negara ini penduduknya terdiri dari satu agama baik yang berbangsa Melayu, China dan India (katakanlah semuanya beragama Islam) dan kebetulan seperti apa yang wujud di hari ini umat Islam dari keturunan Melayu itu mundur dalam serba-serbi kehidupan. Sementara umat Islam dari keturunan China tadi lebih

maju di mana merekalah yang menjawat jawatan-jawatan yang tinggi dan baik disertai latar belakang ekonomi yang sangat teguh, tentulah akan timbul rasa iri hati di kalangan umat Islam keturunan Melayu untuk bersaing, berusaha dan berlumba bagi menyaingi kedudukannya dengan umat Islam keturunan China tadi.

Di sini akan timbullah rasa untuk menolong bangsa sendiri dan mengutamakan bangsa sendiri dalam kebanyakan hal yang dipancarkan melalui rasa atau semangat nasionalisme. Jadi tentulah semangat nasionalisme yang wujud di kalangan umat Islam Melayu itu satu kewajaran dan digalakkan oleh Islam demi untuk mencapai kemajuan asalkan tidak merampas akan hak umat Islam keturunan China itu. Jadi nyatalah walaupun sesama Islam masih tetap terdapat rasa nasionalisme itu. Kewajaran itu lebih terasa lagi bila Islam senantiasa menyarankan tolonglah diri sendiri, keluarga sendiri, bangsa sendiri sebelum kita bertindak lebih jauh lagi untuk menolong orang lain. Demikian juga, kasihkanlah dirimu, bangsamu, kaum keluargamu dan jiran-jiran kamu.

Apatah lagi persaingan yang wujud pada realiti masyarakat berbilang bangsa di negara ini ialah antara umat Melayu yang beragama Islam dengan umat lain yang hampir seratus peratus beragama bukan Islam. Dan inilah faktor yang paling nyata bahawa nasionalisme yang dibawa oleh UMNO tidak akan mungkin bertentangan dengan Islam. Selagi fahaman nasionalisme itu tidak lari dari sifat kasih yang dianjurkan oleh Islam yang tidak menafikan keadilan dan hak-hak kemanusiaan.

Demikianlah UMNO memperjuangkan falsafahnya. Dan bila dikatakan kayalah dirimu dahulu baharulah bersedekah tidaklah bererti perlu ditunggu hingga menjadi jutawan baharu hendak atau boleh bersedekah, sebaliknya boleh sahaja bersedekah bila ada kelebihan asalkan tidak menyusahkan diri dengan sedekah yang dilakukan itu. Bila dikatakan maju tidaklah bererti hingga jadi intelek, profesor baharu mahu mengajar orang lain.

Begitulah bila UMNO membuat penekanan semangat nasionalisme kemelayuannya itu tidaklah berarti hingga umat Islam Melayu itu maju dan kaya semuanya kerana yang demikian itu juga adalah satu idealisme yang tingkat pencapaiannya terlalu tinggi. Apa yang dimaksudkan ialah api nasionalisme yang dibawa oleh UMNO itu perlu dihidupkan asalkan tidak bermaksud untuk mencetuskan permusuhan kerana nasionalisme itu seperti yang ditegaskan tadi adalah tahap peningkatan ke tingkat yang universal. Bukankah keimanan diri itu adalah asas keimanan umum iaitu bila kita tahu mengasihi diri kita baharulah rasa kasih kepada orang lain itu satu hakiki yang bijak, yang wajar, yang logik oleh sifat kemampuan manusia itu sendiri?

Bila kebangkitan lebih berkesan dan baik dapat dilakukan oleh umat Islam Melayu melalui nasionalisme, tegasnya melalui teriakan nasionalisme Melayu, janganlah kita menyekatnya dengan tegahan yang tidak logik atau yang tidak berasaskan realiti seperti yang dimaksudkan. Sebagai sebuah bangsa yang terlalu muda dalam menghadapi gelombang cabaran zaman khasnya dari segi politik pembangunan kita masih banyak lagi perlu belajar sebelum meniru sesuatu yang besar dan ideal.

Malah hendaklah pihak-pihak yang bercakap di atas landasan keislaman yang universal itu ingat bahawa laungan pergerakan-pergerakan mereka yang anti bukan Islam itu adalah juga satu rasa nasionalisme.⁹ Golongan-golongan kafir baik Yahudi atau Kristian, Komunis atau Freemason atau lain-lainnya yang bukan beragama Islam adalah merupakan teriakan-teriakan nasionalisme juga. Sekadarkan tidak seperti UMNO yang menyebut dirinya sebagai Melayu dan persaingannya adalah bangsa asing maka golongan yang kononnya berpendirian universal itu menyebut dirinya Islam sementara manusia yang disainginya itu adalah kafir.

Apakah ini bukan juga ciri-ciri nasionalisme dalam pengertian yang paling minima. Laungan yang dibuat adalah melalui keagamaan. Disebabkan cintakan yang seagama maka perjuangannya berlandaskan atas konsep penganti-agama atau yang tidak beragama Islam. Haruslah diingatkan bahawa semangat nasionalisme itu bukan sahaja boleh dikobarkan melalui pengenalan sesuatu ras, kaum atau bangsa, malahan juga agama.

Seandainya tidak ada semangat nasionalisme, semangat cintakan agama, semangat jihad di jalan Allah tentulah sejarah Islam akan sepi dari sebarang bentuk perjuangan. Tetapi bukankah peperangan itu menjadi bukti nyata semangat patriot keagamaan. Baik buat penganut Islam atau apa agama pun tiap-tiap penganut itu mempunyai kepercayaan jihad masing-masing. Dan musuh yang ditentang, yang disaingi, yang diawasi setiap masa ialah yang tidak sama agamanya. Sejarah agama Islam sendiri tidak sunyi dari peperangan sehinggakan ada golongan yang anti Islam menganggap bahawa Islam disebarkan melalui pedang.¹⁰ Demikianlah tokoh-tokoh

peperangan Islam seperti Ali bin Abi Talib, Khalid Ibn Walid (sekadar disebut beberapa nama) adalah gambaran bukti semangat patriot keagamaan itu.

Jadi bukankah nasionalisme atau kecintaan itu tetap ada sekalipun dari sudut keagamaan? Sekadarkan perbezaan skop approachnya sahaja, iaitu besar atau kecil, luas atau sempitnya asas perjuangan itu. Dari segi keagamaan ini tentulah satu perjuangan yang mutlak kerana ianya adalah berkaitan antara kepercayaan umat manusia. Sementara dari sudut bangsa adalah berkaitan dengan identiti bangsa.

“Wahai manusia! Sesungguhnya kami telah menjadikan kamu berasal dari laki dan perempuan, dan kami jadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku agar kamu kenal mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia pada sisi Allah ialah yang paling banyak taqwanya.”¹¹

Tidakkah dari ayat Al-Quran di atas kita dapat memahami dua hakikat kewujudan. Pertama tentang kejadian berbagai bangsa dan keturunan yang dijadikan Allah untuk berkenalan. Pengenalan di situ tentulah melibatkan identiti bangsa. Dengan itu bererti wujudnya sesuatu bangsa. Sebelum berkenalan dengan bangsa lain tentulah ia mengenal dirinya dahulu, bangsanya dahulu. Dan bukankah kewujudan berbagai bangsa itu tentu sahaja dapat membibitkan semangat kasih dan setia yang melahirkan rasa patriotik dan nasionalisme.

Di dalam ayat tersebut juga Allah mengakui bahawa tidak ada perbezaan antara manusia tadi. Kecuali yang paling bertaqwa dan dialah yang paling mulia di sisi

Allah. Namun harus diingat sebelum konsep persamaan itu disebut melalui penjelasan taqwa, bukankah Allah juga mengakui dengan kewujudan bangsa-bangsa itu. Baik Melayu ataupun Inggeris, China atau Hindu.

Jadi penggembelangan tenaga sesuatu bangsa itu adalah cetusan nasionalisme yang bermatlamat akhir adalah untuk mendapat keredhaan Allah. Di sinilah sekali lagi dapat dilihat kejituan falsafah perjuangan UMNO yang tidak menafikan konsep nasionalisme dan keagamaan iaitu Islam.

Selain daripada soal bangsa dan agama, nasionalisme boleh juga wujud kerana persamaan lain seperti kenegaraan umpamanya. Sejarah telah membuktikan bahawa India tidak mungkin mencapai kemerdekaan sekiranya rakyatnya yang terbesar yang beragama Hindu dan Islam itu tidak mengenyahkan soal bangsa dan agama dalam menentang penjajahan. Bukankah Mahatma Gandhi telah mampu menyatukan rakyat India dengan pemimpin-pemimpin Islam seperti Muhammad Ali Jinnah tanpa berdasarkan bangsa dan agama melainkan persamaan negara? Atas dasar cintakan negara dan tanah air lah rakyat India dari berbagai bangsa dan agama telah berjaya menendang penjajah Inggeris keluar dari negara mereka.¹²

Demikianlah kebenarannya kepentingan nasionalisme dalam perjuangan hidup. Oleh kerana nasionalisme itu adalah suatu rasa iaitu rasa cinta untuk kebaikan dan kemajuan. Sejarah Islam dalam jarak yang terdekat dengan kita juga membuktikan hakikat ini. Tokoh-tokoh Islam yang terdekat dengan zaman kita seperti Sheikh Muhammad Abduh, Syed Jamaludin Al-Afghani, Mo-

hamed Fared Bey dan lain-lain adalah merupakan pahlawan-pahlawan Islam yang menanamkan benih-benih nasionalisme di seluruh benua Asia dari dibendung oleh kegelapan dan kemunduran akibat penjajahan. Melalui penulisan, syarahan dan juga penghijrahan mereka menegobarkan semangat nasionalisme sehinggakan seruan mereka itu disahut oleh setiap penduduk negeri yang dikunjungi dan ditakuti oleh penjajah. Syed Jamaludin Al-Afghani umpamanya di dalam menyampaikan tugas jihad ini telah berjaya di setiap tempat yang dikunjungi.

Dalam hal ini sekalipun penentangan itu dibuat kerana penjajah itu adalah terdiri dari orang bukan Islam yang bertujuan untuk menghancurkan Islam, namun apa yang nyata semangat nasionalisme itu telah dibakar dan dihidupkan melalui ciri keagamaan tidak seperti yang lumrah iaitu melalui ciri kebangsaan. Oleh kerana cintakan agama mereka, maka umat Islam telah bangun menentang penjajahan. Sesungguhnya nasionalisme yang demikian itu adalah dianjurkan oleh Islam kerana ianya adalah untuk bangsa, agama dan negara. Pemupukan semangat nasionalisme yang demikian itu adalah diredzai Allah. Jika tidak Islam mungkin tertindas dan umatnya akan teraniaya.

Di dalam hal ini bukankah nasionalisme yang dibawa oleh UMNO itu merangkum tanggungjawab untuk bangsa, agama dan negara? Di sinilah letaknya kekuatan falsafah perjuangan UMNO yang perlu diperhitungkan.

Istilah Politik: BANGSA MELAYU SEBAGAI BUMI-PUTERA

Realiti kehidupan di negara ini perlulah dilihat berdasarkan kenyataan yang sebenar. Dan setiap tindakan ataupun rancangan hendaklah dijalankan berdasarkan kepada penerimaan umum kaum Bumiputera iaitu orang-orang Melayu. Di dalam setiap perlaksanaan baik di bidang politik, ekonomi dan sosial haruslah dibentang dan dijalankan dalam konteks realiti sejarah dan kewujudan alam bahawa bangsa Melayu adalah Bumiputera negara ini.

Masalah ini bukan sahaja perlu difahami oleh orang-orang asing khasnya para pemimpin kaum lain, malahan juga pemimpin-pemimpin Melayu sendiri agar tidak melupai hakikat yang sebenar. Umpamanya jika didalam melaksanakan sesuatu dasar ekonomi ianya haruslah berdasarkan penekanan kepada golongan Bumiputera, bukan kerana ianya memang golongan yang paling mundur di

UMNO, Falsafah dan perjuangan adalah buku politik semasa, yang membicarakan parti politik Melayu yang tertua di negara ini. Tentang falsafah dan perjuangannya, peranan dan tanggung jawabnya, kekuatan dan kelemahannya, serta masa depannya, sebagai parti yang menjadi tunggak kestabilan politik nasional, yang setiap perubahan, pergolakan, perkembangan dan kecapaian yang dilakukan oleh UMNO melibatkan seluruh masa depan negara, agama, masyarakat serta rakyat negara ini. Memperkatakan secara terperinci nasib orang Melayu yang menjadi kekuatan UMNO, menyentuh secara mendalam Dasar Ekonomi Baru, satu-satunya dasar ekonomi UMNO yang paling sopistikated dengan segala cabaran dan implikasi yang timbul dari perlaksanaannya. Menilai tentang ketegasan kepimpinan UMNO. Melihat detik-detik cemas disekitar Barisan Nasional dan phenomena pergerakan pertumbuhan-pertumbuhan melayu serta fokus terhadap peranan golongan muda UMNO dalam menentukan jatuh bangunnya UMNO hari ini dan esok.



Terbitan:
PENERBITAN KNIGHT
13A-3, Jalan Pantai-Baru,
Kuala Lumpur. 22-14.
Tel: 53339